



Setiap kerajaan mempunyai falsafah pentadbiran dan pemerintahannya masing-masing. Ia menjadi asas kepada semua keputusan dan tindakan yang diambil. Kerajaan Malaysia sekarang ini menggunakan falsafah Negara Pembangunan (Development State) yang meletakkan pembangunan untuk kecemerlangan fizikal sebagai keutamaan. PAS menawarkan sebuah pemerintahan menggunakan falsafah Negara Berkeadilan yang mengutamakan pembangunan untuk kebajikan rakyat awam. Bagi Pilihanraya Umum ke 12, PAS memperteguhkan tawarannya kepada rakyat untuk bersama-sama bersatu dan berjuang menegakkan sebuah Negara Berkeadilan.

Konsep dan definisi

Negara Berkeadilan didefinisikan sebagai:

"Sebuah Negara yang mengutamakan **keadilan dan kesejahteraan rakyat** sebagai agenda utama pembangunan negara". Negara Berkeadilan mementingkan pembangunan, tetapi matlamatnya ialah kesejahteraan rakyat kebanyakan.

Ciri-ciri Negara Berkeadilan

Negara Berkeadilan:

- 1) Tujuan utama pembangunan adalah bagi manfaat dan kebajikan rakyat awam
- 2) Kerajaan adalah "guardian" atau Penjaga (ibu-bapa) kepada rakyat
- 3) Penekanan kepada kecemerlangan moral dan nilai keinsanan (Ethic and human centric)

- 4) Kebendaan adalah modal, pembangunan insan adalah matlamat

- 5) Kesaksamaan asas di kalangan semua rakyat dipastikan, kecemerlangan individu di galakkan

- 6) Kebajikan rakyat adalah tanggungjawab negara

- 7) Rakyat sejahtera, negara makmur

Negara Berkebijakan PAS selaku "ibu-bapa" kepada rakyat tidak akan menganggap program kebajikan dan subsidi rakyat, yang tidak mempunyai pulangan keuntungan (dalam bentuk wang ringgit) sebagai satu bebanan atau kerugian, bahkan ia merupakan satu tanggungjawab. Kerajaan UMNO/BN pula menganggap program kebajikan dan subsidi sebagai satu bebanan yang seboleh mungkin mahu dipertanggungkan ke atas bahu rakyat.

Sejarah

Dari segi sejarah, model Negara Berkebijakan sebenar yang menjadi rujukan dan panduan PAS telah dilaksanakan di sepanjang peradaban manusia. Ia termasuklah pemerintahan Mesir dari seerah Nabi Yusuf a.s, kerajaan Nabi Sulaiman a.s, dan pemerintahan Rasulullah saw, sehingga pemerintahan Khalifah Umar Bin Abdul Aziz. Kesemua ini menjadi asas kepada Negara Berkebijakan yang diperjuangkan PAS. Walaupun negara-negara Eropah seperti Jerman, Belanda, Perancis, Sweden, dan United Kingdom mengenengahkan Konsep "Welfare State" selepas Perang Dunia Ke-2, namun ianya hanya bersesuaian dengan sebahagian daripada konsep Negara Berkebijakan PAS.

Konsep Negara Pembangunan yang dibawa oleh UMNO/BN terlalu mengutamakan pembangunan dan kemasyhuran fizikal. Ini dapat disaksikan dengan projek-projek mega seperti Monsoon Cup, Masjid Kristal (bukan tempat ibadah tetapi untuk tarikan pelancong

NEGARA BERKEBAJIKAN : TAWARAN PAS KEPADA RAKYAT MALAYSIA

Ditulis oleh DATO' SERI TUAN GURU HJ ABD. HADI AWANG
Rabu, 27 Februari 2008 03:30

semata-mata), Pertandingan Formula 1, Pesta Philharmonic Malaysia, 4 jet peribadi pemimpin tertinggi, dan Kompleks Bunga Raya di KLIA. Ini adalah antara banyak projek mega kerajaan UMNO/BN yang jelas tidak memberi manfaat secara langsung kepada rakyat kebanyakan.

Bagi Negara Berkebijakan PAS, bukannya imej negara tidak penting, tetapi kebajikan semua rakyat lebih diutamakan

Tawaran PAS menjadikan Malaysia sebuah Negara Berkebijakan

Sebagai memenuhi agenda pemerintahan PAS untuk Malaysia Negara Berkebijakan, PAS menawarkan kepada semua lapisan rakyat Malaysia pelbagai program berkebijakan berkonsepkan perkongsian sumber dengan kaedah perkhidmatan rakyat. Antaranya ialah:

1. Pendidikan percuma dari peringkat asas sehingga pengajian tinggi (penghapusan semua yuran pengajian)
2. Skim Pembiayaan Kesihatan Nasional bagi setiap rakyat yang tidak mempunyai perlindungan kesihatan majikan
3. Mengembalikan semula pemberian biasiswa seperti yang dijamin Perlembagaan Persekutuan
4. Menurunkan harga petrol dan gas.
5. Merapatkan jurang agihan kekayaan antara golongan kaya-miskin
6. Melaksanakan akta gaji minima
7. Memperkenalkan cuti bersalin 90 hari dan cuti kebapaan 7 hari

Penegasan dan Gesaan

Berdasarkan fakta-fakta di atas, PAS dengan ini membuat gesaan dan rayuan kepada rakyat Malaysia agar memulakan perubahan daripada pemerintahan UMNO yang mengutamakan pembangunan untuk kemegahan imej negara, kepada Pemerintahan PAS yang bercirikan Negara Berkebijakan yang mengutamakan pembangunan bagi kebajikan rakyat Malaysia keseluruhannya.

21 Februari 2008

NEGARA BERKEBAJIKAN : TAWARAN PAS KEPADA RAKYAT MALAYSIA

Ditulis oleh DATO' SERI TUAN GURU HJ ABD. HADI AWANG
Rabu, 27 Februari 2008 03:30

DATO' SERI TUAN GURU HJ ABD. HADI AWANG